



# **PANDUAN AM KEMASUKAN & PENDAFTARAN PELAJAR BARU**



## **1.0 PENDAHULUAN**

Sekalung tahniah diucapkan kepada anda kerana terpilih untuk mengikuti program pengajian Diploma di Kolej Teknologi Darulnaim Kuala Lumpur (KTDKL). Sila baca, fahami dan cuba untuk patuhi panduan ini sebelum hadir mendaftar di KTDKL seperti butiran pendaftaran dalam surat tawaran yang diberikan.

## **2.0 PENERIMAAN TAWARAN PROGRAM**

- 2.1.1 Sekiranya anda menerima tawaran kemasukan, anda perlulah mengikuti tatacara penerimaan yang telah ditetapkan.
- 2.1.2 Anda dikehendaki melengkapkan borang penerimaan tawaran. (sila muat turun di laman web [www.ktdkl.edu.my](http://www.ktdkl.edu.my))
- 2.1.3 Kad penerimaan tawaran hendaklah di poskan ke KTDKL (rujuk alamat pada kad penerimaan) dan disertakan dengan Salinan keputusan SPM ATAU lampirkan gambar salinan slip keputusan SPM dan gambar Kad Penerimaan yang telah diisi lengkap ke aplikasi *WhatsApp* ke nombor 013-8762640.

## **3.0 PENDAFTARAN PESERTA**

Adalah dimaklumkan tarikh, masa dan tempat pendaftaran seperti yang telah ditetapkan dalam surat tawaran. Sila patuhi segala arahan yang terkandung dalam panduan am kemasukan & pendaftaran pelajar baru.

#### 4.0 STRUKTUR YURAN

Struktur yuran merangkumi yuran pendaftaran peserta, yuran pengajian dan juga yuran penginapan.

#### 4.1 Yuran Pendaftaran Semester

KEMASUKAN JUN/JULAI 2019 (SEMESTER I SESI 2019/2020)

BIL	SEMESTER	SEMESTER/SESI	BAYARAN	CATATAN
1.	1	Semester I Sesi 2019/2020	RM 550	Ditampung oleh <b>TABUNG PELAJAR KTD (TPK)</b>
2.	2	Semester II Sesi 2019/2020	RM 150	
3.	SP1	Semester III Sesi 2019/2020	RM 75	
4.	3	Semester I Sesi 2020/2021	RM 150	
5.	4	Semester II Sesi 2020/2021	RM 150	
6.	SP2	Semester III Sesi 2020/2021	RM 75	
7.	5	Semester I Sesi 2021/2022	RM 150	

#### 4.2 Yuran Pengajian Diploma

BIL	PROGRAM	SEMESTER	SEMESTER PENDEK
1.	Dip. Multimedia Dip. Sains Komputer	RM 4000	RM 2000
2.	Dip. Pengurusan Perniagaan Dip. Pengajian Syariah Dip. Perakaunan	RM 3500	RM 1750

#### 4.3 Yuran Penginapan

BULAN	KEMUDAHAN
RM 150/bulan	Katil, Tilam, Almari

**\*Istimewa untuk kemasukan 2019, REBAT RM1000 untuk Yuran Penginapan**

Senarai keperluan yang perlu di bawa sendiri untuk penginapan peserta adalah seperti berikut :

- Bantal
- Cadar
- Sarung bantal
- Selimut
- Lain – lain keperluan harian peribadi

### **KAEDAH PEMBAYARAN YURAN**

Semua bayaran boleh dibuat melalui Tunai di Pejabat Pentadbiran KTDKL, ATAU Pemindahan Internet/Deposit Tunai ke akaun berikut:

Nama akaun : EQ RESOURCES (SARAWAK) SDN. BHD.  
Nama bank : BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD  
Nombor akaun : 1202 9010 0746 58

### **5.0 PAKAIAN SEMASA DALAM BILIK KULIAH**

Peraturan ini dijalankan bertujuan untuk memberi garis panduan tingkah laku dan tatacara berpakaian yang sesuai serta kemas supaya dipatuhi oleh pelajar KTDKL. Peraturan ini juga bertujuan menjaga nama baik kolej dalam etika berpakaian, professionalisme dan keterampilan peserta.

<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>
1. Baju Kemeja @ Baju T (berkolar)	1. Baju kurung/pakaian menutup aurat
2. Seluar slack hitam/ gelap	2. Tudung cerah
3. Kasut Hitam	3. Kasut Hitam

### **6.0 MINGGU HALUAN SISWA**

Setiap pelajar yang baru mendaftar diwajibkan mengikuti Program Minggu Haluan Siswa. Program ini bertujuan mendedahkan pelajar dengan suasana pembelajaran dan memberi keselesaan kepada pelajar untuk mengenali kehidupan di kampus KTDKL. Minggu Haluan Siswa untuk pengambilan kemasukan pelajar pertama Semester I Sesi 2019/2020 ialah pada 6-8 Julai 2019.

## **7.0 PEMBIAYAAN PENGAJIAN**

Pelajar Kolej Teknologi Darulnaim Kuala Lumpur (KTDKL) akan membimbing pelajar-pelajar bagi mengikuti program pengajian untuk mendapatkan mana-mana pembiayaan atau pinjaman daripada pihak pembiayaan pengajian.

### **7.1 Pendahuluan Zakat / Yayasan Negeri**

Pelajar yang berjaya mendapat surat tawaran dari KTDKL, layak memohon wang pendahuluan dari Pusat Zakat atau Yayasan negeri bagi tujuan pembayaran semasa pendaftaran dan perbelanjaan sementara menunggu kelulusan penuh pinjaman pelajaran.

1. Pusat Zakat / Yayasan setiap negeri juga menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar yang menerima surat tawaran. Sila rujuk pusat zakat / yayasan negeri masing-masing.
2. Anda boleh menghubungi wakil perunding KTDKL di negeri masing-masing bagi tujuan membantu urusan dengan pihak Zakat / Yayasan negeri.

### **7.2 Pinjaman Pengajian**

1. Pihak kolej menyediakan peluang pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Tabung Pelajar KTD (TPK)
2. Pinjaman pengajian adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pembiaya pengajian. Anda diminta menyediakan dokumen seperti yang disenaraikan dalam Senarai Semak.

## **8.0 DOKUMEN PENDAFTARAN & PEMBIAYAAN**

1. Anda dikehendaki menyediakan dokumen asal dan salinan. Rujuk senarai semak dokumen
2. Dokumen yang perlu mendapat pengesahan Pengetua Sekolah:
  - I. Salinan slip SPM / kelulusan akademik yang berkaitan
  - II. Salinan sijil ko-kurikulum sekolah
  - III. Salinan sijil berhenti sekolah
3. Dokumen yang memerlukan pengesahan Penghulu/ Pengawai /Ketua Kampung/
4. Pengerusi JKKK/ Pegawai Kelas A:
  - I. Salinan kad pengenalan pelajar,ibu bapa/ penjaga
  - II. Salinan sijil kelahiran pelajar,ibu bapa/ penjaga
  - III. Salinan sijil kematian ibu bapa/ penjaga (jika berkaitan)
  - IV. Salinan surat pengesahan ibu bapa/ penjaga (bekerja sendiri)
  - V. Salinan borang J atau slip gaji terkini (bapa/ ibu), jika berkaitan
  - VI. Salinan kad pencen atau penyata pencen (ibu/ bapa/ penjaga), jika berkaitan

## **9.0 MAKLUMAT AM**

### **1. Alamat**

**KOLEJ TEKNOLOGI DARULNAIM CAWANGAN KUALA LUMPUR**

D-03-2, PLAZA PARAGON POINT

Jalan Medan Pusat Bandar 5, Seksyen 9

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

Hotline: 03-8912 4406 / 013-8762640 (En. Abu 'Ubaidah bin Sharudin)

# SENARAI SEMAK DOKUMEN


Sila tandakan (✓) pada ruangan kotak yang telah disediakan.

BIL	PERKARA	ASAL	SALINAN
1.	Gambar berukuran passport	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> (3)
2.	Surat tawaran asal	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> (3)
3.	Kad pengenalan pelajar/ ibu /bapa/ penjaga	<input type="checkbox"/> (Pelajar sahaja)	<input type="checkbox"/> (3)
4.	Sijil kelahiran pelajar/ ibu/ bapa/ penjaga	<input type="checkbox"/> (Pelajar sahaja)	<input type="checkbox"/> (3)
5.	Sijil kematian ibu/ bapa/ penjaga (jika berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> (3)
6.	Sijil-sijil kelulusan akademik SPM/ STPM/ Diploma/ Sijil dan lain – lain yang berkaitan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> (3)
7.	Sijil – sijil ko-kurikulum sekolah, jika ada	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> (3)
8.	Sijil berhenti sekolah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> (3)
9.	Salinan penyata gaji/ Borang J terkini ibu/ bapa/ penjaga		<input type="checkbox"/> (3)
10.	Salinan penyata pencen ibu/ bapa atau penjaga ,jika berkaitan		<input type="checkbox"/> (3)
11.	Salinan surat pengesahan pendapatan ibu/ bapa/ penjaga jika bekerja sendiri yang telah disahkan		<input type="checkbox"/> (3)
12.	Salinan pengesahan ibu yang tidak bekerja (suri rumah) yang telah disahkan		<input type="checkbox"/> (3)

Nota :

- i. Borang ini dilampirkan bagi memudahkan calon untuk melakukan semakan sebelum melapor diri.
- ii. Sila pastikan semua salinan telah disahkan benar (rujuk panduan pendaftaran)

## LOKASI



LAMAN WEB : [www.ktdkl.edu.my](http://www.ktdkl.edu.my)

FACEBOOK : [www.facebook.com/ktdkl](http://www.facebook.com/ktdkl)

### **PERINGATAN PENTING!**

**ANDA TIDAK DIBENARKAN MENDAFTAR SEKIRANYA:  
GAGAL MENGEMUKAKAN SIJIL/SLIP/TRAKSRIP ASAL  
KELAYAKAN AKADEMIK YANG BERKAITAN**